

10 AUG 1999

SARJI-PELABURAN

DUA SYARIKAT PERLADANGAN PNB LABUR RM484 JUTA DI SARAWAK

KOTA SAMARAHAN, 10 Ogos (Bernama) -- Dua buah syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB) Golden Hope Plantations dan Austral Enterprise, anak syarikat Island & Peninsular, telah melabur sebanyak RM484 juta di dalam sektor perladangan kelapa sawit di Sarawak.

Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, Syarikat Austral setakat ini telah memiliki 39,000 hektar tanah ladang dan sebanyak 30,000 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit dengan pelaburan sebanyak RM320 juta.

"Syarikat Golden Hope telah menanam 12,000 hektar dengan pelaburan sebanyak RM164 juta dan telah menerokai satu konsep baru dengan membina "bandar pusat" di dalam estetnya di Bintulu sebagai pusat pengurusan," katanya di dalam ucapan pada perasmian Amanah Saham Nasional (ASN2) peringkat negeri Sarawak di sini hari ini yang dilakukan oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau menjangka keluaran bagi tanaman kelapa sawit bagi kedua-dua buah syarikat akan menyumbang 30 peratus daripada pengeluaran kelapa sawit di Sarawak.

Ahmad Sarji berkata, daripada segi peluang pekerjaan kedua-dua syarikat tersebut telah menyediakan seramai 3,700 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Beliau berkata, secara terperinci Syarikat Austral telah mewujudkan 3,000 pekerjaan manakala Syarikat Golden Hope telah menyediakan sebanyak 700 pekerjaan selain daripada meningkatkan lagi pembangunan dalam infrastruktur dan perumahan.

Selain daripada syarikat terbabit, Sarji berkata syarikat PNB telah bergiat aktif seperti Sime Darby telah memiliki pejabat, bengkel dan kompleks gudang di atas tanah seluas 27,524 meter persegi dan Kontena Nasional Berhad beroperasi melalui KONNAS Sarawak Sdn Bhd.

Beliau juga berkata, sejak pelancaran ASN2 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 9 Jun lalu, seramai 722 orang di Sarawak telah melabur dalam ASN2 dengan pelaburan sebanyak RM5.6 juta.

Beliau berkata, secara keseluruhan sehingga 6 Ogos seramai 11,766 telah melabur dengan nilai pelaburan sebanyak RM100.72 juta -- 10,250 orang telah melabur terus dengan nilai pelaburan berjumlah RM83.29 juta dan seramai 1,516 orang pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah melabur sebanyak RM17.43 juta.

Di dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Sarji mengulas lanjut mengenai "bandar pusat" berkata PNB akan membangunkan "Desa Lavang" di Bintulu sebagai projek perintis bandar pusat bagi meningkatkan lagi pengurusan estet kelapa sawit.

Beliau berkata, projek tersebut telah bermula pada 1996 dan dijangka siap sepenuhnya pada Januari tahun depan.

Beliau berkata, tanah seluas 12,000 hektar tersebut terletak kira-kira 70 km dari Bintulu dan akan mempunyai kemudahan rekreasi seperti dewan masyarakat, padang bola, pejabat pos, polis dan lanskap yang indah.

"Tanah tersebut dibahagikan kepada empat estet dengan setiap satu mempunyai keluasan 3,000 hektar," katanya kepada pemberita selepas pelancaran ASN2. -- BERNAMA

RDY OS